

# Kacau 10 kawah asyura

**Kuantan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan program mengacau 10 kawah bubur asyura membabitkan lebih 200 kakitangan di pekarangan masjid universiti berkenaan, baru-baru ini.

Program julung kali sempena sambutan Maal Hijrah itu dimeriahkan lagi dengan penyertaan kakitangan pelbagai kaum termasuk pensyarah antarabangsa yang kali pertama terbabit dalam aktiviti berkenaan.

Pengarah Program Mohd Abdu Sahak berkata, pihaknya menyediakan peruntukan RM5,000 bagi menjayakan program itu yang turut membabitkan aktiviti ceramah agama dan jamuan bersama pelajar.

Katanya, 2,000 bekas bubur asyura diagihkan kepada kakitangan dan pelajar.

"Sempena program ini, turut diadakan pertandingan bubur asyura paling sedap yang menawarkan hadiah hamper," katanya.



KAKITANGAN UMP  
bergotong-royong  
memasak bubur  
asyura.